

## **SIARAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA  
TM. 88/2026**

**13 MAC 2026**

### **TOURISM MALAYSIA PERKUKUH KEMPEN MELAWAT MALAYSIA 2026 (VM2026) MELALUI PERKHIDMATAN BAHARU AIRASIA DARI BATAM KE KUALA LUMPUR**

**SEPANG** — Tourism Malaysia meraikan ketibaan penerbangan sulung AirAsia Malaysia, AK471, dari Batam, Indonesia, yang mendarat di Terminal 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 11.15 pagi tadi. Sambutan ketibaan tersebut disempurnakan oleh barisan pengurusan tertinggi Tourism Malaysia bersama rakan strategik daripada AirAsia dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Pelancaran laluan penerbangan baharu ini menandakan satu pencapaian penting dalam memperkukuh ketersambungan antara bandar-bandar pertumbuhan peringkat kedua di Indonesia dengan Malaysia. Pengembangan rangkaian strategik ini bukan sahaja memperluas rangkaian serantau AirAsia, malah berfungsi sebagai platform utama bagi merencanakan ketibaan pelawat dari Kepulauan Riau. Indonesia kekal sebagai antara pasaran pelancongan utama Malaysia, selain pasaran keutamaan lain seperti China, India, dan Australia.

Penerbangan sulung tersebut membawa seramai 180 penumpang, sekali gus mencatatkan faktor muatan yang penuh pada hari pertama bagi pesawat Airbus A320 berkapasiti 180 tempat duduk. Kumpulan penumpang tersebut terdiri daripada pelbagai latar belakang pelawat, terutamanya dari Indonesia, serta pelawat dari negara lain termasuk China dan Singapura. Laluan ini beroperasi secara harian, dengan jadual penerbangan dari Kuala Lumpur ke Batam pada jam 8.05 pagi, manakala penerbangan pulang dari Batam berlepas pada jam 8.45 pagi (WIB).

YBrs. Encik Mohd Amirul Rizal bin Abdul Rahim, Ketua Pengarah Tourism Malaysia, menyambut baik peningkatan ketersambungan serantau ini dan memuji komitmen industri penerbangan dalam memperkukuh jalinan rangkaian antara kedua-dua negara.

“Dalam usaha kita membina momentum sempena Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026), setiap laluan penerbangan baharu bertindak sebagai pintu masuk kepada kejayaan kolektif kita. Kerjasama erat bersama industri penerbangan mencerminkan keyakinan tinggi terhadap daya tarikan pelancongan Malaysia. Peningkatan aksesibiliti laluan udara kekal menjadi komponen utama dalam strategi kami untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama bagi pelawat dari Asia Tenggara,” ujar beliau.

Sementara itu, Dato' Kapten Fareh Mazputra, Pengurus Besar AirAsia Malaysia, berkata: “Kami berbesar hati melancarkan laluan baharu ini yang menghubungkan Batam dan Kuala Lumpur, sekali gus memperkukuh komitmen kami dalam meningkatkan hubungan

serantau antara Indonesia dan Malaysia. Batam merupakan pintu masuk penting di Kepulauan Riau, dan perkhidmatan baharu ini akan menyediakan pilihan penerbangan mampu milik bagi pelawat dari segmen pelancongan riadah dan perniagaan, di samping menyokong pertumbuhan pelancongan selaras dengan aspirasi VM2026.

Sebagai rekod, prestasi ketibaan pelawat dari Indonesia ke Malaysia pada tahun 2025 menunjukkan pertumbuhan positif dengan catatan mencecah 4.3 juta pelawat, sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak 2.9 peratus berbanding tahun 2024. Pembukaan laluan baharu ini dijangka akan terus merancakkan lagi jumlah ketibaan pelawat ke Malaysia sepanjang tahun 2026. Jalinan ketersambungan terus yang baharu ini turut menyerlahkan kolaborasi teguh antara Tourism Malaysia dan sektor penerbangan, di mana kedua-dua organisasi kekal komited dalam memastikan kejayaan VM2026.

- TAMAT -

### **Tourism Malaysia**

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

**Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026)** menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di [www.tourism.gov.my](http://www.tourism.gov.my) serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), and [TikTok](#).

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Noor Izzati binti Mohd idris**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Promosi Antarabangsa  
(Asia Tenggara)[@tourism.gov.my](mailto:norshariza@tourism.gov.my)  
Tel: +603 8891 8225

**Norshariza binti Mohd Saad**  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Komunikasi Korporat  
[norshariza@tourism.gov.my](mailto:norshariza@tourism.gov.my)  
Tel: +603 8891 8775